

# Ujian kuasa kepada Bersatu

MALAM semalam bertempat di Shah Alam, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) menyambut ulang tahun ketiganya. Sambutan dibuat sederhana tetapi besar maknanya. Bermula dengan solat maghrib, bacaan Yasin, tahlil, solat isyak, makan malam, ucapan dan diakhiri upacara memotong pulut kuning.

Besar maknanya kerana orang Melayu dan bumiputera ketika ini sedang menilai Bersatu. Bukan sekadar prestasi kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang sedang diukur tetapi lebih penting sejauh mana parti tersebut benar-benar menterjemah kepentingan orang Melayu dan bumiputera dalam perjuangannya.

Tambah signifikan, sambutan ulang tahun itu berselang hanya sehari sebelum Himpunan Penyatuan Ummah antara UMNO dan Pas berlangsung di PWTC. Jadi mahu tidak mahu, orang Melayu pastinya membuat perbandingan antara ke-



**DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali memotong kek dalam majlis Sambutan Ulang tahun Ketiga Parti Bersatu di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, malam semalam. Turut hadir, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Mukhriz Tun Mahathir. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI**

dua-duanya, tetapi penegasan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang Bersatu tidak boleh tergelincir daripada asas perjuangannya dilihat melegakan.

Namun, dalam majlis yang turut dihadiri Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Dr. Mahathir lebih menekankan kepada soal akauntabiliti, kejujuran dan ketelusan yang perlu ada pada

ahli Bersatu agak tidak menjadi seperti UMNO serta Barisan Nasional (BN).

Berulang kali beliau mengingatkan ahli Bersatu agar jangan terlibat dengan korupsi, jangan menjadikan Bersatu sebagai alat kepentingan diri dan jangan lupa diri, sehingga meminggirkan rakyat. Hakikatnya itulah cabaran Bersatu kini. Dalam usianya yang

masih muda, parti itu sudah berdepan ujian kuasa, yang kadang-kala melalaikan mereka.

Ini kerana Dr. Mahathir sedar, jika ujian kuasa itu gagal didepani ahli dan pemimpin Bersatu, rakyat khususnya orang Melayu tidak akan lagi meletakkan harapan kepada parti berkenaan. Beliau juga tahu bahawa slogan Malaysia baharu hanyalah retorik jika

ahli-ahli Bersatu terperangkap dalam ujian kuasa ini.

Kini, selepas tiga tahun, semuanya terletak pada bahu Bersatu, sama ada ahli dan pemimpinnya kekal istiqamah dengan perjuangan atau hanya nyut dengan ujian kuasa. Jika terlalai, mereka bakal berdepan hukuman serupa sebagaimana diterima UMNO dan BN pada Mei tahun lalu. Seandainya itu yang berlaku, bukan sahaja kesannya pada Bersatu, tetapi kepada orang Melayu keseluruhannya.

Justeru, jika Bersatu mahu kekal sehingga 50 hingga 100 tahun akan datang sebagaimana diimpikan Dr. Mahathir dalam ucapannya malam semalam, gunakanlah sepenuhnya nikmat kuasa ini untuk membela bangsa, agama dan tanah air. Jangan dibiar-kan orang Melayu dan bumi putera resah gelisah kerana jika bukan kerajaan, kepada siapa lagi harapan hendak di-sandarkan.